



TEKS UCAPAN  
YB DATO' SERI MAHDZIR KHALID  
MENTERI PEMBANGUNAN  
LUAR BANDAR

SEMPENA :

PROGRAM MERDEKA  
@ PARLIMEN PADANG TERAP

TARIKH :  
27 SEPTEMBER 2022

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum WRT

Salam Keluarga Malaysia, teguh  
bersama.

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Yang Berbahagia

Dato' Haji Abdul Ghani bin Zainuddin

Pegawai Daerah Padang Terap

Yang Berbahagia

Encik Nasrudin bin Hj Mahmud

Pengarah

Jabatan Penerangan Negeri Kedah

Yang diraikan anak-anak merdeka, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan jabatan / agensi-agensi kerajaan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Bersyukur kita kehadiran Allah SWT, diatas limpah dan kurnianya dapat kita berkumpul pada pagi ini di Dewan Tunku Putra Kuala Nerang bagi menzahirkan rasa cinta kita kepada nusa bangsa, Malaysia, tanah air tercinta.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

“Keluarga Malaysia Teguh Bersama” telah dipilih sebagai tema sambutan hari

kebangsaan dan hari Malaysia pada tahun ini. Pemilihan ini cukup bermakna dan ianya adalah selari dengan konsep keharmonian yang diaspirasikan oleh kepimpinan negara dan konsep ini jugalah yang dianjurkan oleh agama islam.

Frasa Keluarga Malaysia adalah merujuk kepada masyarakat yang hidup dalam aman dan damai serta bersatu padu dalam keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran. Manakala frasa teguh bersama membawa maksud kekuatan dan kesepaduan yang dicapai secara kolektif dan manpan.

Acara sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia Peringkat Kebangsaan telah berlangsung dengan meriah beberapa minggu yang lalu. Saya yakin dan saya percaya banyak jabatan jabatan dalam daerah padang terap juga mengadakan acara-acara yang sama.

Program sambutan di peringkat daerah dan parlimen juga berlangsung dengan hebat dan mendapat sambutan diluar jangkaan. Ini menunjukkan rakyat malaysia khususnya orang padang terap mempunyai semangat cintakan nusa bangsa yang tinggi. Justeru program pada hari ini adalah kesinambungan dari program yang tuan-tuan telah buat di

sekolah, jabatan-jabatan dan kampung-kampung.

Saya amat berkeyakinan apa jua program yang telah dilaksanakan oleh sekolah dan jabatan akan memberi impak kepada generasi hari ini dan generasi akan datang. Ini kerana semangat cintakan nusa bangsa yang bersemi dihati dan sanubari rakyat malaysia akan melahirkan sebuah negara bangsa yang cemerlang.

Hadirin sekalian,

Sepertimana yang kita sedia maklum, Sambutan Kemerdekaan hari ini

bertemakan Keluarga Malaysia Teguh Bersama. Seajarnya dengan ini kerajaan dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri telah berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi menjaga kebajikan rakyat disegenap lapisan masyarakat.

Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh bagi menjamin kesejahteraan masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian rakyat sama ada dikampung dan dibandar dibantu dengan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar turut memainkan peranan dalam menjaga kebajikan rakyat. Semenjak menerajui KPLB saya cuba merubah dan mempertingkatkan fungsi dan peranan KPLB. Satu ketika dulu ramai yang beranggapan atau mempunyai tafsiran kplb hanya sekadar sebuah kementerian yang menjaga kampung. Menterinya juga dianggap menteri kampung. Malah kita juga harus mengakui tidak ramai yang mengetahui apa fungsi sebenar KPLB.

Namun ramai yang tidak tahu bahawa kplb mempunyai jasa yang cukup besar kepada negara khususnya dalam memajukan kawasan luar bandar dan



meningkatkan kesejahteraan penduduknya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya sebagai anak seorang petani, justeru saya amat memahami jerit pedih orang kampung dan mereka yang berada nun jauh dipendalaman. Dengan pengalaman saya, saya berusaha untuk merubah peranan dan fungsi KPLB supaya apa jua yang dilaksanakan oleh KPLB menghasilkan produk yang optimum.

Tuan- tuan dan puan-puan sekalian,

Walaupun 2022 akan berakhir lebih kurang 3 bulan lagi, KPLB telah berjaya mencapai sasaran melaksanakan sebahagian besar projek pembangunan yang dirancang sepanjang tahun 2022.

Ini melibatkan projek-projek infrastruktur termasuk jalan perhubungan desa, jalan kampung, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik dan kemudahan sosial. Apa yang pasti padang terap juga tidak ketinggalan menikmati pembangunan dan projek –projek yang dilaksanakan ini.

Saya mengambil kesempatan ini bagi merakamkan penghargaan terima kasih kepada tuan pegawai daerah, rakan-

rakan ketua jabatan yang telah banyak membantu saya dalam melaksanakan projek-projek di daerah Padang Terap. Terima kasih juga kepada semua kakitangan awam yang berkerja dengan penuh dedikasi dan amanah bagi memastikan apa jua projek dan bantuan kerajaan sampai ke akar umbi tanpa kerenah dan birokrasi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sesungguhnya tema Keluarga Malaysia-Teguh Bersama cukup bermakna kepada kita semua. Tanpa kerjasama dari semua pihak nescaya apa yang saya laksanakan di peringkat KPLB tidak akan menjadi

kenyataan. Kita bekerja dalam satu pasukan, setiap jabatan dan agensi mempunyai peranan dan fungsi tersendiri. Bergerak dalam satu pasukan, inilah yang menjamin kejayaan.

Sebagai kakitangan awam saya yakin tuan-tuan dan puan-puan juga ingin melihat produktiviti jabatan dan agensi dihasilkan dengan cemerlang. Justeru saya yakin kita semua kan bekerja dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai hasrat ini. Sesungguhnya dimana ada rakyat, disitu ada khidmat. Menariknya, ia bukan sekadar berkisar kepada soal pembangunan semata-mata tetapi juga pembangunan insan dan

mengubah taraf hidup masyarakat luar bandar.

Dari segi pendidikan, pada bulan lalu kadar kebolehpasaran siswazah lulusan institusi Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional (TVET) dibawah seliaan KPLB mencapai standard nasional yang ditetapkan. Kadar kebolehpasaran siswazah bagi seluruh institusi pendidikan TVET di KPLB secara tidak langsung mencerminkan bahawa pendidikan TVET yang dibekalkan berupaya menyediakan kebolehkerjaan dan laluan kerjaya yang cerah kepada para siswazah.

KPLB juga faham akan kesusahan yang dialami oleh para pelajar dibawah tajaan mara disemua peringkat dan bidang pengajian. Oleh yang demikian KPLB peruntukkan satu jumlah yang besar bagi menaikkan elaun pelajar dibawah tajaan mara samada dalam negeri mahupun luar negara.

Saya yakin dan saya percaya dengan kenaikan elaun-elaun ini akan memberi kelegaan dan semangat kepada para pelajar di bawah tajaan MARA untuk belajar bersungguh-sungguh dan mencapai cita-cita dan impian mereka demi kesenangan kehidupan di masa depan.

Akhir sekali saya merakam setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Dato' Pegawai Daerah dan semua ketua-ketua jabatan dan kakitangan awam yang memberi kerjasama bagi menjayakan Program Merdeka @ Parlimen. Tanpa kerjasama semua pastinya program hari ini tidak akan berjalan lancar dan sempurna. Inilah maksud sebenarnya keluarga Malaysia teguh bersama slogan yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sebagai penutup, saya sampaikan dua rangkap pantun berikut.

Dari Nami Ke Pekan Naka

Singgah Sebentar Di Pong Selatan  
Sudah 65 Tahun Malaysia Merdeka  
Hidup Aman Tiada Keperitan.

Jalur Gemilang Bendera Malaysia  
Megah Berkibar Setiap Hari  
Kepada Allah Kita Berdoa  
Semoga Malaysia Kekal Harmoni.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi  
sekalian,

Dengan kalimah lafaz kalimah suci  
bismillahirrahman nirrahim, saya  
merasmikan Program Merdeka@  
Parlimen Daerah Padang terap bagi  
tahun 2022 pada pagi ini.



Sekian, wabillahi taufik walhidayah  
Assalamualaikum Wbt Dan Terima Kasih.